

UCAPAN

YANG BERHORMAT

**DATO SERI PADUKA HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**

PEMBUKAAN

TAHUN UNDANG-UNDANG 2006

HARI SELASA, 28 MAC 2006

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah
Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah

Yang Amat Arif, Ketua Hakim dan Yang Arif, Hakim-Hakim
Mahkamah Besar

Yang Dipertua Persatuan Undang-Undang Negara Brunei
Darussalam

Para Peguam

Para tetamu

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat Arif pada upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat

tradisi undang-undang yang amat penting di Negara Brunei Darussalam dan bagi membaharui ikrar kita untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

(A) Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam

Yang Amat Arif

Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam baru saja ditubuhkan dengan rasminya. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis Persatuan Undang-Undang atas pemilihan mereka memegang jawatan. Saya juga ingin mengingatkan ahli-ahli Majlis bahawa pemilihan mereka memegang jawatan adalah dengan tanggungjawab yang berat — dari segi profesional dan juga sosial. Ini adalah sebagai tanda penghormatan yang diberikan oleh rakan-rakan sejawatan mereka. Ia juga bermakna ahli-ahli Majlis akan dijangka melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka dengan tekun, jujur dan dengan integriti yang dituntut oleh wakil-wakil apa yang selalu disebut sebagai **satu profesion yang mulia**.

Untuk memahami besarnya tugas Majlis, saya kira adalah perlu untuk mengingatkan diri kita sendiri ciri-ciri sesuatu profesion itu dan apa yang membezakan sesuatu profesion itu dengan pekerjaan-pekerjaan lain?

Sehingga akhir abad ke-18, perkataan ‘profesion’ biasanya difahami sebagai hanya termasuk dalam tiga kumpulan — peguam, doktor, dan pendita. Revolusi Industri dan kemajuan sains dalam abad ke-19 telah membawa peningkatan yang sangat besar dalam bilangan dan jenis profesion. Sesungguhnya, perkembangan berbagai jenis profesion yang diiktiraf dan persatuan-persatuan profesional di kalangan ahli-ahli mereka adalah ciri penting dalam masyarakat moden.

Banyak pengulas telah menulis mengenai apa yang membezakan sesuatu profesion itu dengan kerjaya lain. Yang Amat Arif Lord Alexander of Weedon QC menyebut pendapat Suruhanjaya Diraja mengenai Perkhidmatan Undang-Undang yang ditubuhkan 25 tahun lalu di England, yang menyatakan sesuatu profesion itu dalam kata-kata seperti berikut:

“Apabila sesuatu profesion itu dikembangkan dengan sepenuhnya maka ia boleh dinyatakan sebagai satu kumpulan lelaki dan perempuan:

- (a) boleh dikenalpasti dengan merujuk kepada sesuatu daftar atau rekod;
- (b) diiktiraf sebagai mempunyai sesuatu kemahiran dan pengetahuan khas dalam beberapa bidang aktiviti di mana orang ramai perlu perlindungan dari ketidakcekapan, tahap kemahiran dan pengetahuan itu ditetapkan oleh profesion itu sendiri;
- (c) menawarkan diri mereka sebagai bersedia untuk memberikan perkhidmatan kepada orang ramai;
- (d) dengan sukarela patuh kepada standard kelakuan beretika melebihi dari standard yang dikehendaki daripada rakyat biasa di sisi undang-undang; dan
- (e) berjanji untuk menerima tanggungjawab sendiri kepada mereka yang telah diberikan perkhidmatan kerana tindakan mereka dan bagi profesion mereka kerana memelihara keupayaan orang ramai.

Satu lagi penerangan berguna telah diberikan oleh William Reece Smith Jr, presiden Persatuan Peguam Antarabangsa pada masa itu

dalam ucapannya pada Persidangan Undang-Undang Komanwel yang ke-9. Beliau menyatakan:

“...[P]ertama...oleh kerana peguam-peguam mempunyai pendidikan tinggi dalam disiplin yang kompleks, mereka diberikan kelebihan untuk mengawal diri: mereka yang tidak biasa dengan pembelajaran undang-undang adalah dianggap tidak sesuai untuk mengawal profesion itu. Kedua, bagi mengiktiraf aspek takrifan ‘pekerjaan bersama’, ahli-ahli dalam profesion undang-undang memupuk tahap rakan sejawatan, ketertiban, dan saling percaya mempercayai yang tinggi. Dan yang penting sekali adalah kerana peguam-peguam memainkan peranan awam sebagai pegawai-pegawai mahkamah dan kerana amalan undang-undang memberikan gayahidup yang selesa dan agak mewah, seseorang peguam itu adalah dikehendaki untuk memberikan sesuatu balik kepada masyarakat sama ada melalui perkhidmatan sivik atau kerja secara percuma yakni *pro bono work* atau gabungan kedua-duanya.”

Demikian juga, untuk dianggap sebagai profesion, ia perlulah mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan oleh Lord Alexander. Tetapi lebih penting lagi, jika saya mengumpulkan kedua-dua petikan

kata-kata tersebut, saya fikir apa yang dimaksudkan olehnya adalah bahawa wujud kontrak sosial di antara sesuatu profesion itu, termasuk profesion undang-undang dan masyarakat — kontrak sosial yang diberikan status sosial oleh masyarakat kepada para profesional dan membolehkan mereka bebas untuk mengawal kemasukan ke dalam profesion.

Sebagai balasan, masyarakat menjangka ahli-ahli profesion itu untuk memastikan kecekapan dan disiplin ahli-ahlinya sendiri dan menyumbang kepada masyarakat dengan memberikan perkhidmatan bagi kepentingan awam.

Pendeknya, ia bukanlah mengenai glamour atau kemasyhuran. Ia bukanlah semata-mata mengenai wang dan kemuliaan. Sebagai wakil-wakil yang telah dipilih dalam profesion undang-undang adalah mengenai mempertahankan prinsip profesion dan jika mana-mana ahli profesion tidak mendukung prinsip ini, maka Majlis dijangka akan mengambil tindakan mengenainya tanpa mengira sama ada pelanggaran standard yang telah ditetapkan bagi profesion undang-undang di Negara Brunei Darussalam itu kecil atau serius.

Semua profesion terus terhutang budi kepada masyarakat kerana tawar menawar yang mereka buat dan kelebihan yang mereka nikmati. Tambahan pula, saya percaya kebanyakan peguam, terutama sekali mereka yang telah berjaya di Negara Brunei Darussalam, menyifatkan perkhidmatan kepada orang ramai bukan sahaja menjadi kewajipan mereka tetapi juga sebagai satu penghormatan yang perlu dihubungkaitkan — dan Persatuan Undang-Undang boleh menyediakan jalan yang bersesuaian untuk mencapai tujuan ini. Izinkan saya mencadangkan sekali lagi

supaya Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam patut menimbangkan tawaran untuk memberi bantuan guaman kepada defendan-defendan miskin dalam kes-kes yang tidak membawa hukuman mati yang tertentu.

Yang Amat Arif

Saya bersama dengan Yang Amat Arif turut mengucapkan kepada Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semoga maju jaya dalam menunaikan tugas mereka yang berat ini.

Yang Amat Arif

(B) Undang-Undang Baru

Tahun ini menandakan satu peristiwa penting dalam sistem undang-undang kita. Pengenalan sistem Residen British pada tahun 1906 telah juga memperkenalkan satu sistem undang-undang baru yang terus kita warisi sehingga hari ini. 100 tahun lalu telah melihat perubahan besar dalam perkembangan dan pentadbiran negara kita. Dengan perubahan masa, sistem undang-undang mestilah juga berubah untuk terus relevan dan untuk menggalakkan perlaksanaan keadilan yang betul.

Pada tahun 2005 dan awal tahun ini, beberapa undang-undang baru telah dibuat. Seperti lazimnya saya ingin menyebut beberapa Perintah yang penting.

1. Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006

Satu isu yang diberikan perhatian terus menerus adalah perlaksanaan keadilan berkaitan dengan kanak-kanak dan orang muda. Telah lama diterima bahawa pesalah kanak-kanak mestilah diberikan layanan yang berbeza dari pesalah dewasa. Dalam hubungan ini,

saya sukacita mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenalkan satu Perintah baru yang bergelar Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda. Perintah ini, sebaik sahaja dikuatkuasakan, akan menubuhkan mahkamah juvenil sebagai sebahagian dari sistem undang-undang kita. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan menetapkan tarikh permulaan kuatkuasa Perintah itu apabila infrastruktur yang dikehendaki dan tenaga manusia yang terlatih sudah sedia. Mahkamah juvenil itu akan diberikan berbagai kuasa apabila menangani pesalah kanak-kanak, termasuk membuat perintah bagi pemulihan akhlak atau khidmat masyarakat. Mahkamah itu boleh juga membuat suatu perintah tambahan yang menghendaki sama ada kanak-kanak atau orang muda atau kedua-duanya dan penjaganya untuk menjalani kaunseling, psikoterapi atau program lain bagi tujuan pemulihan atau bagi meningkatkan, menggalakkan atau melindungi kesejahteraan dan keselamatan fizikal, sosial dan emosi kanak-kanak atau orang muda.

2. Perintah Pusat Asuhan Kanak-Kanak, 2006 dan Peraturan-Peraturan Pusat Asuhan Kanak-Kanak, 2006

Untuk melindungi dan memastikan kebajikan kanak-kanak di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenankan pengenalan satu lagi undang-undang baru yang dipanggil Perintah Pusat Asuhan Kanak-Kanak, 2006 dan Peraturan-Peraturan Pusat Asuhan Kanak-Kanak, 2006. Perintah ini mula berjalankuatkuasanya pada 8^{hb} Mac 2006. Undang-undang ini mengawalselia pengendalian atau pengurusan sesebuah pusat asuhan kanak-kanak dengan melesenkan dan menangani perkara-perkara seperti tempoh pengendalian dan jadual program hariannya, rawatan perubatan, pemakanan dan disiplin, kebersihan dan persekitaran kesihatan dan keselamatan dan maklumat kecemasan.

3. Perintah Akta Keterangan (Pindaan), 2006

Kesan kemajuan teknologi menyerap dalam kehidupan harian kita. Mahkamah-mahkamah mestilah tidak ketinggalan dan mestilah mengambil faedah dari kemajuan tersebut. Dalam hal ini, Akta Keterangan telah dipinda baru-baru ini untuk membenarkan penggunaan hubungan langsung melalui video atau televisyen

dalam memberikan keterangan dalam sebarang perbicaraan di hadapan sesebuah mahkamah. Keterangan boleh juga sekarang ini diberikan dalam bentuk carta, ringkasan, output komputer atau bahan keterangan lain jika pada pendapat mahkamah bahan itu mungkin membantu pemahaman mahkamah atau keterangan yang hendak diberikan oleh mana-mana pihak sangat panjang lebar atau kompleks yang dianggap oleh mahkamah senang untuk menimbangkan keterangan dengan merujuk kepada bahan tersebut.

4. Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara-Perkara Jenayah, 2005

Negara Brunei Darussalam juga menyedari tentang obligasi antarabangsanya dalam memerangi jenayah bersama dengan negara-negara lain. Dalam hubungan ini, Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara-Perkara Jenayah telah berjalan kuatkuasanya mulai dari 1^{hb} Januari 2006. Perintah ini membenarkan Negara Brunei Darussalam untuk menghulurkan kerjasama dalam penyiasatan kes-kes jenayah yang dijalankan oleh negara-negara asing, dalam banyak hal walaupun tanpa membuat penyusunan triti terlebih dahulu.

5. Perintah Ekstradisi, 2006

Saya sukacita juga mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenankan Perintah Ekstradisi, 2006 yang baru. Perintah ini menggantikan Akta Ekstradisi tahun 1915 dan memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak akan pernah menjadi tempat yang selamat untuk berlindung bagi penjenayah-penjenayah dan banduan pelarian dari keadilan. Perintah baru ini

membawa undang-undang ekstradisi kita selaras dengan undang-undang dan amalan antarabangsa pada masa ini dan membenarkan negara ini untuk memenuhi komitmen antarabangsanya dalam bidang ini.

6. Perintah Ikhtisas Peguam (Pindaan) (Bil.2), 2006

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah juga memperkenankan pindaan kepada Akta Ikhtisas Peguam untuk membenarkan Barrister, Peguamcara atau Barrister dan Peguamcara Mahkamah Besar mana-mana Negeri atau Wilayah Australia diiktiraf sebagai orang-orang yang berkelayakan bagi maksud-maksud Akta itu. Saya berharap ini

adalah berita baik kepada pelajar-pelajar Brunei dan ibubapa pelajar-pelajar Brunei yang mahu mengambil jurusan undang-undang di Australia.

7. Perintah Kastam (2005)

Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ASEAN komited dengan sepenuhnya dalam membuat beberapa Perjanjian perdagangan pelbagai hala dan Pejabat saya melalui Bahagian Undang-Undang Antarabangsa telah terlibat secara aktif dalam rundingan perjanjian-perjanjian ini terutama sekali mengenai perkara-perkara yang berkaitan seperti Mekanisme Penyelesaian Pertikaian dan hak harta intelektual.

Sebagai susulan kepada pembuatan perjanjian-perjanjian perdagangan pelbagai hala ini, Pejabat saya telah membantu beberapa agensi Kerajaan dalam memperkenalkan undang-undang baru untuk melaksanakan komitmen ekonomi Negara Brunei Darussalam di bawah perjanjian-perjanjian ini. Ini termasuklah membantu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei dalam memperkenalkan dua undang-undang di bawah Akta Kastam iaitu Perintah Kastam (Layanan Keutamaan Sama Rata ASEAN), 2005

dan Perintah Kastam (Barang-Barang di bawah Program Early Harvest) (Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Menyeluruh Ekonomi di antara ASEAN-China), 2005.

8. Perintah Pengurusan Bencana, 2006

Satu lagi undang-undang baru untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan bencana secara berkesan bagi Negara Brunei Darussalam telah diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Undang-undang ini dikenali sebagai Perintah Pengurusan Bencana, 2006. Perintah ini menubuhkan Majlis Bencana Kebangsaan dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan mengadakan peruntukan bagi rangka kerja bagi pengurusan langkah-langkah pencegahan, bersiap sedia, gerak balas dan pemulihan dari sebarang kejadian termasuk serangan pengganas.

(C) Hak Saksi dan Mangsa Jenayah

Pada tahun 2004, saya telah menyebut secara ringkas supaya kita sentiasa lebih responsif terhadap keperluan mangsa-mangsa jenayah. Saya ingin menyebut isu ini sekali lagi yang pada pandangan saya wajar mendapat perhatian khas iaitu hak saksi dan

mangsa jenayah. Dalam dekad kebelakangan ini, hak-hak orang yang kena tuduh telah diberikan perhatian yang lebih berbanding hak saksi dan mangsa jenayah. Sekarang ini cabaran baru adalah untuk mengadakan mekanisme yang berkesan yang bertujuan untuk melindungi mangsa, apabila mangsa itu terlibat dalam proses kehakiman sebagai seorang saksi. Sistem keadilan jenayah menakutkan banyak orang terutama sekali saksi-saksi dan mangsa-mangsa jenayah yang telah memberi keterangan di mahkamah. Tidak cukup bagi mereka untuk memahami proses undang-undang dan guaman. Saksi-saksi dan mangsa-mangsa sepatutnya mendapat perlindungan dan bantuan yang bersesuaian dan seharusnya diberikan maklumat yang berkenaan mengenai penyiasatan, pendakwaan dan penyelesaian kes-kes jenayah. Adalah bagi kepentingan awam untuk memastikan bahawa saksi-saksi berpuas hati dengan proses jenayah. Sesuatu pendakwaan jenayah itu tidak akan berkesan jika saksi-saksi enggan memberikan keterangan di mahkamah.

Kepentingan dan keperluan mangsa-mangsa dan saksi-saksi sekarang ini diberikan perhatian yang lebih di beberapa bidangkuasa Asia dan Pasifik dari yang pernah diberikan dahulunya. Perubahan penekanan ini jelas sekali menunjukkan perubahan perundangan di tiap-tiap bidangkuasa yang telah menekankan

keperluan untuk memberitahu dengan sepenuhnya saksi-saksi tepat pada masanya pada semua peringkat proses jenayah. “Pegawai Bantuan Saksi”, “Pegawai Bantuan Mangsa” atau kumpulan-kumpulan pakar yang berdedikasi sekarang ini telah ditubuhkan menyeberangi rantau ini untuk mengurus dan menampung keperluan khas mangsa-mangsa dan saksi-saksi. Talian telefon hotline mangsa, penggunaan skrin di mahkamah, televisyen siaran terbatas dan kerjasama rapat dengan kumpulan-kumpulan sokongan mangsa sekarang ini adalah ciri-ciri umum di bidangkuasa-bidangkuasa di seluruh rantau Asia dan Pasifik.

(D) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang

Yang Amat Arif

Saya menyokong dan berkongsi perhatian dengan Yang Amat Arif mengenai perlunya Pegawai-Pegawai Kehakiman bersikap jujur dan mempunyai integriti yang tinggi.

Saya yakin Yang Amat Arif tentunya bersetuju bahawa demi kepentingan awam juga supaya kita menyelenggarakan pegawai-

pegawai yang cukup berpengalaman, jujur dan cekap di Pejabat Peguam Negara. Di negara-negara jiran kita terdapat suatu badan yang disebut sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-Undang (Singapura) atau Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang (Malaysia) yang menjaga Pegawai-Pegawai Kehakiman daripada Jabatan Kehakiman dan juga Pegawai-Pegawai Undang-Undang daripada Pejabat Peguam Negara. Oleh itu, sepatutnya ada suatu badan yang disebut sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang yang menjaga kebajikan Pegawai-Pegawai daripada Pejabat saya dan Pegawai-Pegawai Kehakiman daripada Mahkamah-Mahkamah.

Yang Amat Arif

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Pejabat saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Undang-Undang Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha keras mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana semua sokongan, bantuan dan kerjasama mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri kerana bantuan dan kerjasama mereka dan usaha berterusan mereka dalam mengekalkan dan memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya berharap hubungan baik di antara Pejabat saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian dan Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang baru saja ditubuhkan akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga tahun ini membawa kemakmuran dan kejayaan.